



Minggu Ketujuh Belas

AMALI IBADAT HAJI

PERBEZAAN ANTARA RUKUN HAJI DAN UMRAH

Rukun Haji

1	Niat Ihram Haji
2	Wuquf
3	Tawaf
4	Sa'ie
5	Bergunting/Bercukur
6	Tertib Pada Kebanyakan Rukun

Rukun Umrah

1	Niat Ihram Umrah
2	Tawaf
3	Sa'ie
4	Bergunting/Bercukur
5	Tertib Pada Semua Rukun

Catatan

PERBEZAAN ANTARA WAJIB HAJI DAN UMRAH

Wajib Haji

1	Niat Ihram Di Miqat
2	Meninggalkan Perkara Larangan Dalam Ihram
3	Mabit Di Muzdalifah
4	Melontar Jamrah Kubra Pada 10 Zulhijjah
5	Mabit Di Mina Pada Hari-hari Tasyriq (11, 12, Dan 13 Zul)
6	Melontar Ke Tiga-tiga Jamrah Pada Hari-hari Tasyriq (11, 12, Dan 13 Zul)

Wajib Umrah


1	Niat Ihram Di Miqat
2	Meninggalkan Perkara Larangan Dalam Ihram


Perbezaan

Wajib Umrah Tiada Perkara No. 3, 4, 5, 6 Dalam Wajib Haji


PELBAGAI CARA PERJALANAN HAJI YANG BOLEH DILAKSANAKAN

Catatan






Catatan





CARA 4

Cara yang dilaksanakan oleh Jemaah Haji Muasasah / Bekeperluan



Catatan

PERBEZAAN ANTARA AMALAN HAJI DENGAN AMALAN LAIN

HAID WANITA

FATRAH AL-NAQA'

DALAM SOLAT APABILA KERING TERUS SOLAT
DALAM HAJI TUNGGU KERING SEHINGGA 24 JAM
KEMUDIAN TAWAF

NIAT IHRAM HAJI

DALAM SOLAT BOLEH BERHENTI BILA-BILA MASA WALAUPUN
SELEPAS TAKBIR (HANYA SOLAT TAK SAH TANPA KENA DAM)
DALAM HAJI PERLU TERUSKAN SEHINGGA TAHALLUL, JIKA
BERHENTI ATAU TIDAK SAH PERBUATAN SEBELUM TAHALLUL
MAKA DI KENA BAYAR DAM

PERBEZAAN IMPLIKASI TAWAF UMRAH SUNAT DENGAN TAWAF SUNAT

TAWAF DAN SA'IE UMRAH SUNAT PERLU DISELESAIKAN (WALAUPUN UMRAH SUNAT) DIKIRA MASIH TERIKAT DENGAN LARANGAN IHRAM DAN UMRAH BELUM SELESAI. SEKIRANYA TERPAKSA PULANG KE MALAYSIA DALAM KEADAAN TERSEBUT, MAKA PERLU LAKSANAKAN TAHALLUL IHSAR DENGAN MENYEMBELIH KAMBING DAN BERGUNTING UNTUK BEBASKAN DIRI DARI LARANGAN IHRAM. JEMAAH TIDAK PERLU DATANG SEMULA KE MAKKAH UNTUK MENYEMPURNAKAN RUKUN UMRAH YANG BELUM SELESAI. MEMADAI DENGAN TAHALLUL IHSAR SAHAJA. INI KERANA IA ADALAH UMRAH SUNAT. BEGITU JUGA JIKA HAJI SUNAT

WALAU BAGAIMANAPUN SEKIRANYA UMRAH WAJIB ATAU HAJI WAJIB (**PERTAMA KALI DILAKUKAN**) MAKA PERLU DATANG SEMULA KE MAKKAH UNTUK SEMPURNAKAN RUKUN DAN AMALAN YANG BELUM SELESAI WALAUPUN TELAH MELAKUKAN TAHALLUL IHSAR

Catatan


TAWAF SUNAT - JIKA TIDAK DISELESAIKAN JEMAAH TIDAK TERIKAT DENGAN LARANGAN IHRAM DAN BOLEH BERHENTI TANPA MELIBATKAN IMPLIKASI LARANGAN IHRAM DAN TIDAK PERLU MELAKUKAN TAHALLUL IHSAR

PERHATIAN : NAZAR DALAM IBADAT HAJI

- **Nazar untuk menunaikan haji fardu ataupun umrah fardu tidak sah.**
- **Orang yang bernazar untuk menunaikan haji pada tahun tertentu tetapi dihalang oleh pihak berkuasa, tidak wajib menunaikan dan tidak wajib *qadha'*.**
- **Lintasan hati untuk menunaikan sesuatu hajat tidak dikira nazar jika tidak dilafazkan serta memenuhi syarat nazar.**
- **Nazar bukan sesuatu amalan yang digalakkan kerana Nabi sendiri tidak pernah bernazar.**


Catatan

- **Nazar tidak boleh dijadikan alasan untuk mendesak pihak berkuasa meluluskan permohonan menunaikan haji. Keadaan tersebut menafikan hak orang yang sepatutnya diberi keutamaan menunaikan haji.**
- **Nazar tidak boleh dijadikan alasan oleh pihak yang berkepentingan untuk menjanjikan jemaah haji mendapat tempat mengerjakan ibadat haji.**




JAMRAH SUGHRA

Catatan



JAMRAH WUSTA



JAMRAH KUBRA

Catatan



WASSALAM

Semoga semua bakal jemaah haji yang dikasihi diberikan oleh Allah S.W.T kesabaran dan ketenangan serta didoakan mendapat sebaik-baik ganjaran

**HAJI YANG MABRUR
DAN UMRAH YANG
MAQBUL**



